

**ANM (T) 81/10/6/10 JLD.5 ( 5 )**



**KERAJAAN MALAYSIA**  
**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**BILANGAN 5 TAHUN 2013**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua Polis Negara - Bahagian Kewangan  
Pengarah Jabatanarah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)  
Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri  
Semua Pengarah Negeri/ Cawangan Jabatan Akauntan Negara  
Semua Ketua Pusat Gaji

**PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN,  
BAYARAN KHAS PRESTASI DAN BAYARAN KHAS CONTRACT FOR  
SERVICE BAGI TAHUN 2013**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan pembayaran berikut :
  - i. Imbuhan Tahunan kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
  - ii. Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi; dan

iii. Bayaran Khas *Contract For Service* bagi tahun 2013.

1.2 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2013 dan surat daripada Kementerian Kewangan rujukan KK/BP/DS10(S)10/79/28(S.K 1/2013)(6) bertarikh 25 November 2013.

**2. ASAS PENGIRAAN IMBUHAN TAHUNAN, BAYARAN KHAS PRESTASI DAN BAYARAN KHAS CONTRACT FOR SERVICE**

Asas pengiraan Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* kepada individu lantikan *contract for service* perlu merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2013 dan surat daripada Kementerian Kewangan.

**3. PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN IMBUHAN TAHUNAN, BAYARAN KHAS PRESTASI DAN BAYARAN KHAS CONTRACT FOR SERVICE**

3.1 Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* akan **dibayar pada 2 Januari 2014**. Dalam membuat pembayaran ini, peraturan-peraturan berikut perlu dipatuhi:

**3.1.1 Cukai Pendapatan**

Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* adalah tertakluk kepada layanan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, Potongan Cukai Bulanan (PCB) tidak dipotong semasa pembayaran ini dibuat, tetapi akan diambil kira dalam Penyata Pendapatan

Tahunan untuk tujuan penaksiran cukai pendapatan. Pegawai perlu menjelaskan sendiri cukai pendapatan berkenaan berdasarkan kepada Jadual (Kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

### 3.1.2 Potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Di bawah tafsiran 'Upah' dalam Seksyen 2, Akta KWSP 1991, Imbuhan Tahunan, Bayaran Khas Prestasi dan Bayaran Khas *Contract For Service* adalah dikenakan caruman KWSP. Potongan caruman pekerja dan bayaran caruman majikan perlu dibuat sewajarnya.

### 3.1.3 Bayaran Bagi Pegawai di Bawah Sistem Gaji Berkomputer (Payroll):

- i. Pejabat Perakaunan (Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/ Cawangan dan Jabatan Mengakaun Sendiri) akan mengeluarkan **Laporan Pengiraan Bonus** sebagai ganti Borang Perubahan Gaji (SG20);
- ii. Pusat Gaji hendaklah menyemak amaun dalam **Laporan Pengiraan Bonus** seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2013;
- iii. Pusat Gaji hendaklah mengutip semula atau memotong daripada gaji bulan berikutnya amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai di bawah pengurusannya;
- iv. Bagi kes pegawai bertukar keluar (T42) dan bersara (T49) yang mana gajinya masih diproses dalam Payroll di Jabatan lama, bayaran hendaklah dibayar oleh Jabatan

lama dengan menggunakan baucar bayaran berasingan;  
dan

- v. Bagi tujuan mengelakkan keciciran atau kelewatan dalam pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kepada pegawai yang telah bertukar keluar tetapi gajinya masih dibayar di Jabatan lama, bayaran hendaklah dibayar oleh Jabatan lama.

#### 3.1.4 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bagi bayaran yang dibuat melalui baucar berasingan, dokumen sokongan yang lengkap hendaklah disertakan.

#### 3.1.5 Kod Urus Niaga

Bayaran Imbuhan Tahun dan Bayaran Khas Prestasi ini hendaklah dicajkan kepada kod Amanah seperti berikut :

<b><u>KOD AMANAH</u></b> (Baucar Bayaran)	<b><u>KOD ELAUN</u></b> (Payroll)	<b><u>PERIHAL KOD AMANAH</u></b>
851021	1074	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuhan Tahunan Kakitangan Awam
851022	1075	Akaun Penjelasan Bayaran Khas Prestasi Kakitangan Awam
851023	1074	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuhan Tahunan Pasukan Keselamatan
851024	1075	Akaun Penjelasan Bayaran Khas Prestasi Pasukan Keselamatan

851025	1074	Akaun Penjelasan Bayaran Imbuhan Tahunan Pekerja Sementara dan Sambilan
851026		Akaun Penjelasan Caruman Perkeso Majikan
851027		Akaun Penjelasan Caruman KWSP Majikan - Kakitangan Awam
851028		Akaun Penjelasan Caruman KWSP Majikan - Pekerja Sementara & Sambilan
851029		Akaun Penjelasan Caruman KWSP Majikan - Pasukan Keselamatan

### 3.1.6 Pelarasan Kod Amanah

Pelarasan kod amanah ini hendaklah dibuat sewajarnya oleh kementerian/jabatan masing-masing **sebelum 31 Januari 2014.**

#### **4. PERUNTUKAN UNTUK MEMBAYAR IMBUHAN TAHUNAN, BAYARAN KHAS PRESTASI DAN BAYARAN KHAS CONTRACT FOR SERVICE**

Kementerian/Jabatan hendaklah membuat permohonan peruntukan tambahan kepada Perbadanan Malaysia sekiranya peruntukan bagi pembayaran ini tidak mencukupi.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

(*Hawazain*  
**DATO' HAWAZAIN BINTI SHAARI**)

Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

13 Disember 2013

s.k. :

Ketua Audit Negara

Semua Akauntan/ Bendahari Negeri

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN

Ketua Pegawai Eksekutif KWSP

Ketua Eksekutif PERKESO